

09/07/1998

Kementerian Multimedia pendukung agenda IT

Ahmad Ghazali Musa

UNIT Pemodenan Tadbiran Malaysia (Mampu), Ketua Setiausaha Negara (KSN) dan Kementerian Tenaga Telekom dan Pos, yang terbabit merangka akta dan pembentukan kementerian baru itu, kini bertungkus lumus menyiapkan mekanisme itu.

Datuk Leo Moggie, yang ditanya mengenai perkara itu hanya memberitahu bahawa keputusan memansuhkan kementerian beliau dan Kementerian Penerangan, bagi memberi laluan kepada penubuhan Kementerian Multimedia masih belum diketahui.

Beliau berkata, kementerianya masih melakukan draf bagi Akta Multimedia dan Komunikasi yang dijangka dapat dibentangkan di Parlimen, bulan ini.

"Perkara itu belum diputuskan lagi. Tambahan pula ini bukan satu perkara baru kerana menubuh atau membubarkan sesuatu kementerian pernah dilakukan sebelum ini.

"Dalam hal penubuhan Kementerian Multimedia, kementerian masih membuat kajian. Kita akan menentukan apa yang perlu dilakukan sama ada membubarkan kedua-dua kementerian sedia ada atau mewujudkan sebuah institusi lain bagi menguruskan aspek multimedia yang kini menjadi semakin penting dalam kehidupan kita," kata Leo Moggie.

Bagaimanapun, Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed Rahmat, yang lebih lantang mengutarakan penubuhan Kementerian Multimedia berpendapat Akta Penyiaran dan Akta Telekom perlu dimansuhkan bagi memberi laluan kepada Akta Multimedia dan Komunikasi, dalam usaha mewujudkan Kementerian Multimedia.

Mohamed berkata, kajian mengenai penggabungan kedua-dua kementerian itu kini diteliti oleh Ketua Pengarah Mampu, Datuk Dr Muhammad Rais Abdul Karim dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali, manakala Akta Multimedia sedang didraf Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Leo Moggie yang menerajui kementerian yang bertanggungjawab mendraf akta itu bagaimanapun enggan mengulas kenyataan Mohamed itu. Sebaliknya, beliau hanya menyatakan, pihaknya akan menunggu sehingga draf undang-undang Akta Multimedia dibentangkan di Parlimen.

Tidak cukup setakat itu, Mohamed turut menyatakan kedudukan Radio Televisyen Malaysia (RTM) sebagai sebuah badan korporat atau syarikat kerajaan akan diputuskan selepas undang-undang berhubung pewujudan Kementerian Multimedia diluluskan Parlimen.

Katanya, ini kerana selepas Akta Penyatuan Multimedia diluluskan, fungsi RTM sebagai badan penyiaran kerajaan akan bertindih dengan agensi lain dalam Kementerian Multimedia.

Akta itu, yang menggabungkan Kementerian Penerangan dengan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos untuk membentuk Kementerian Multimedia juga akan menyebabkan semua agensi di bawah kedua-dua Kementerian itu mengalami perubahan struktur secara besar-besaran, kata Mohamed.

"Oleh itu, kerajaan membuat keputusan untuk menimbang status RTM sama ada sebagai sebuah badan korporat atau syarikat kerajaan agar ia dapat bersaing dengan badan penyiaran swasta lain.

"Sekiranya RTM kekal sebagai sebuah jabatan kerajaan apabila kementerian baru itu diwujudkan, dikhuatiri badan penyiaran itu tidak mampu bersaing dengan stesen penyiaran swasta lain," katanya.

Mohamed mengakui beliau sendiri tidak mengetahui kedudukannya apabila kementerian baru itu ditubuhkan.

Bagi pengusaha teknologi maklumat (IT), apa yang lebih penting penubuhan

Kementerian Multimedia dapat membanteras kegiatan cetak rompak perisian komputer yang semakin berleluasa akibat kesukaran mengawal kegiatan itu. Mereka yakin kementerian baru itu mampu menghapuskan kegiatan cetak rompak perisian yang kini menunjukkan tanda penurunan yang memberangsangkan.

Mengikut laporan Business Software Alliance (BSA) dan Software Publishers Association (SPA), Malaysia mencatatkan penurunan kegiatan cetak rompak yang memberangsangkan pada tahun lalu.

Peguam Korporat Microsoft (M) Sdn Bhd (Microsoft), Huey Tan, berkata penubuhan Kementerian Multimedia dan penggubalan undang-undang mengenainya dapat membantu tugas penguatkuasa melaksanakan tindakan sewajarnya terhadap mereka yang terbabit dalam kegiatan itu.

"Meskipun usaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dalam hal ini amat berkesan, kekurangan undang-undang yang sesuai menyulitkan sebarang tindakan mahkamah yang hendak diambil," katanya.

Tidak sekadar membanteras kegiatan cetak rompak perisian, kementerian baru itu bakal menjadi organisasi yang akan memangkin pertumbuhan industri IT dan multimedia.

Apatah lagi, IT, multimedia, penyiaran dan telekomunikasi adalah bidang yang semakin bersatu. Semuanya saling berkait dan teras agenda penting masyarakat peniaga.

Bidang ini terus menjadi penting dan membawa arus perubahan perdana kepada keseluruhan kehidupan manusia tidak kiralah sama ada ia mengubah cara manusia berkomunikasi, berpendidikan, berniaga, berpolitik atau bersosial.

Bagi Malaysia, arus perdana ini perlu mengikut acuan kita dengan Koridor Raya Multimedia (MSC) akan menjadi sandarannya.

Sebenarnya tidak banyak negara di dunia begitu serius seperti Malaysia yang sanggup menubuhkan satu kementerian yang berperanan khusus menjaga hal ehwal multimedia dan IT serta teknologi penyatuan (convergence).

Inilah kelebihan dan keistimewaan yang ada pada kepemimpinan negara di bawah Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang amat memandang jauh keperluan masa depan rakyatnya.

Pembentukan akta dan kementerian baru itu menyatakan bahawa kita mahu menjadi pendahulu dalam bidang IT dan multimedia, bukan sekadar pengikut yang tahu menggunakan produk luar.

Dengan penubuhan kementerian dan akta baru ini, diharap setiap lapisan rakyat sedar akan tanggungjawab mereka untuk merealisasi cita-cita murni itu dan mengetepikan soal titik bengkok yang akan hanya membantutkan pelaksanaannya.

Soal pembubaran atau pembentukan kementerian baru, siapa yang mahu menerajunya, serahkan saja kepada kebijaksanaan pemerintah yang tentunya lebih arif siapa yang benar-benar berwibawa menerajui kementerian baru ini.

(END)